


Kumpulan Cerita Rakyat Sabah

# LIGAD



RASLIE JUMAT

Kumpulan Cerita Rakyat Sabah

# LIGAD

RASLIE JUMAT

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Cawangan Sabah  
2009

Penerbitan kumpulan cerita rakyat Sabah ini diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dan diselenggarakan oleh editor projek: Noorzanani Haji Kata.

Cetakan Pertama 2009  
© Dewan Bahasa dan Pustaka

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Beg Berkunci 149, 88999 Kota Kinabalu, Sabah.

Muka huruf teks: Garamond 12/14.5 pt  
Reka letak teks oleh Abdul Nassir Said  
Reka bentuk kulit oleh Logiman J. Gamad

Dicetak oleh  
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah,  
Jalan Sulaman, Teluk Likas,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel.: 088-439260  
Faks: 088-439318

## **KANDUNGAN**

- Bab 1 Berpisah dengan Keluarga ...1
- Bab 2 Kampung Buyut Diserang Penyamun ...5
- Bab 3 Kepulangan Ligadon ...8
- Bab 4 Ligad Diculik ...16
- Bab 5 Belajar Ilmu Persilatan ...20
- Bab 6 Ligad Bertembung dengan Penyamun ...26
- Bab 7 Membuka Kampung Baru ...28
- Bab 8 Pertarungan antara Ligad dan Ligadon ...35
- Bab 9 Mendaki Bukit Pongoluan ...46
- Bab 10 Memilih Ketua Murid ...55
- Bab 11 Ketua Murid dengan Dua Puluh Orang Penyamun ...63
- Bab 12 Ligad Bertarung dengan Ketua Penyamun ...72
- Bab 13 Perselisihan Dua Orang Murid ...80
- Bab 14 Pesanan Ligadon ...87
- Bab 15 Ligad Berumah Tangga ...94
- Bab 16 Pesanan Ligad ...103
- Bab 17 Berita Kehilangan Ligad ...111

# Bab 1

## BERPISAH DENGAN KELUARGA

**TERSEBUTLAH** kisah pada zaman dahulukala, ada sepasang suami isteri tinggal di hulu Sungai Sabpa dalam daerah Ranau, Sabah. Mereka mempunyai dua orang anak, yang sulung bernama Ligadon dan anak kedua bernama Ligad.

Selepas kelahiran Ligad mereka sekeluarga pun berpindah ke sebuah perkampungan iaitu Kampung Buyut. Ligadon dan Ligad membesar dengan penuh kasih sayang oleh ibu bapa mereka.

Ligad seorang kanak-kanak yang sentiasa menghormati orang-orang tua di kampungnya terutama sekali kedua-dua orang tuanya. Ligad juga suka berkawan dengan budak-budak yang sebaya dengannya, tidak hairanlah Ligad mempunyai ramai kawan.

Satu peristiwa telah berlaku pada sebelah petang ketika Ligad dan kawan-kawannya sedang bermain di bawah sepohon kayu yang rendang. Dengan tiba-tiba tercetus satu pergaduhan antara seorang kawannya dengan abangnya Ligadon.

Dalam pergaduhan itu Ligadon telah mencederakan budak tersebut dengan memukulnya menggunakan sebatang kayu. Budak tersebut telah pengsan di tempat kejadian. Dengan melihat kejadian itu Ligad pun lantas berlari meninggalkan tempat itu dan pulang ke rumah mereka.

Selepas makan malam, ayah memanggil Ligadon dan menyatakan sesuatu kepadanya. Ligad tidak pasti apakah yang

## LIGAD

dikatakan oleh ayahnya kepada abangnya Ligadon kerana Ligad duduk agak jauh bersama ibunya iaitu di dapur.

Pada keesokan harinya, Ligad tidak nampak kelibat abangnya. Ligad bertanya kepada ibunya yang sedang sibuk menanak nasi di dapur. “Ibu... di mana Abang Ligadon? Biasanya abang yang dulu bangun daripada aku, tapi pagi ini matahari dah tinggi, namun abang tidak keluar-keluar dari biliknya.”

Mendengar itu ibu Ligad pun merenung muka anaknya kemudian menjawab. “Ligad, abangmu telah pergi meninggalkan rumah kita semalam.”

“Kenapa?” Ligad bertanya. Ibunya tunduk merenung lantai yang diperbuat daripada buluh, lantas menjawab perlahan-lahan. “Anakku Ligad, orang tua budak yang dipukul oleh abangmu petang kelmarin telah datang ke rumah kita, dia menyatakan... dan....” Ibunya tidak dapat meneruskan kata-katanya.

“Jadi... abang pergi ke mana?” Tanya Ligad pula ingin tahu. “Entahlah ibu pun tidak tahu.” Jawab ibunya ringkas. Ligad termenung beberapa ketika memikirkan ke mana agaknya dia pergi. ‘Abang pergi meninggalkan rumah, ke mana dia pergi.’ Bisik hati kecil Ligad.

Sejurus kemudian Ligad pun bertanya lagi. “Jadi, bila abang balik ibu?” “Entah, itu pun ibu tak tahu.” Ujar ibunya ringkas. “Sudahlah Ligad, ibu harap engkau jadilah manusia yang baik, jangan suka bergaduh dengan kawan-kawan. Beritahu ibunya lagi. “Ahh... panggil ayahmu kita makan bersama.” Beritahu ibunya lagi.

Selepas makan ayah Ligad pun berkata. “Ligad hari ini ikut ayah pergi ke tebasan menebas rumput.” Sebagai seorang anak yang taat dan menghormati kedua-dua orang tua, Ligad tunduk sambil menjawab. “Baiklah ayah.” Katanya. “Ahh... ibu awak pun ikut sama.” Beritahu ayahnya lagi.

Begitulah setiap hari, tiga beranak ini sentiasa saja pergi ke tebasan menebas rumput. Dari pagi hingga ke petang, apabila balik mereka berhenti di tebing Sungai Kinorulunon untuk

## LIGAD

mandi-manda. Ketiadaan Ligadon menyebabkan kekosongan menyelubungi hati kedua-dua orang tua itu, apa tidaknya setiap petang apabila balik dari tebasan Ligadonlah yang sering membawa kayu api.

Walau bagaimanapun hati kedua-dua orang tua ini terubat sedikit kerana Ligad masih ada bersama-sama mereka, dan sentiasa patuh dengan arahan mereka. Ligad tidaklah nakal sebagaimana kelakuan dan sifat abangnya. Ligadon kadang-kala tidak mengikut suruhan orang tuanya, sudahlah begitu darah mudanya cepat marah.

Kini sudah dua tahun Ligadon pergi, dia pergi tanpa berita, entah masih hidup entah sudah mati tiada seorang pun yang tahu. Ligad pula sudah besar panjang, sifatnya sangat disenangi oleh semua penduduk Kampung Buyut kerana dia suka menolong orang ramai.

Pada suatu hari ketika mereka tiga beranak dalam perjalanan ke tebasan, tiba-tiba mereka diserang oleh sekumpulan penyamun. Oleh kerana penyamun itu melakukan serangan hendap, kedua-dua orang tua Ligad tidak dapat berbuat apa-apa dan telah menemui ajalnya di situ juga. Mujur Ligad telah sempat melarikan diri, dan balik ke rumahnya. Fikiran Ligad tertekan apabila teringatkan peristiwa yang berlaku sebentar tadi yang telah mengakibatkan kematian kedua-dua orang tuanya. Ligad sedar hidupnya sekarang sudah tidak bererti lagi. Kini kedua-dua orang tua yang disayanginya sudah mati, abangnya pula pergi entah ke mana.

Dalam keadaan tersebut begini Ligad agak bertuah kerana masih ada insan yang sudi menjaganya dan menganggap dirinya sebagai anak sendiri. Orang tua tersebut menjaga Ligad dengan baik. Begitu juga Ligad, ke mana saja orang tua itu pergi Ligad ada bersama, seperti pergi ke tebasan atau mengambil kayu api di hujung kampung.

Walaupun kedua-dua orang tuanya sudah tiada, dan abang kandungnya sendiri telah menghilangkan diri entah ke mana,

## LIGAD

namun sifat peramahnya tetap tidak berubah, tidak hairanlah semua kawan Ligad begitu menghormatinya.

Jika ada masa terluang, Ligad dan kawan-kawannya duduk berbual-bual kosong di rumah orang tua yang memeliharanya. Kadang-kadang kedengaran mereka ketawa berderai. Orang muda seperti mereka sungguh gemar dengan cerita yang menimbulkan perasaan gembira selain cerita-cerita yang melahirkan perasaan geli hati.

“Ke mana perginya abang kau agaknya, sudah dua tahun lebih dia pergi.” Ujar salah seorang kawannya. Belum pun sempat Ligad membuka mulut, seorang lagi kawannya mencelah. “Ahh... buat apa dikenang orang yang sudah lama kita tak nampak, kita anggap saja Ligadon dah mati habis cerita.

“Kalau dia ada di sini dia akan menerima hukuman, bukankah Ligadon telah mencederakan orang.” Kata kawan Ligad. “Bukan tercedera, sudah mati pun.” Seorang lagi kawan Ligad mencelah. Ligad masih berdiam diri, dia tunduk merenung lantai. Seribu satu persoalan melanda benaknya ketika itu. ‘Patut pun ibu tidak memberitahu Ligad kenapa abang pergi meninggalkan kami dahulu, ahh... apa boleh buat.’ Bisik hati kecil Ligad.

“Cerita lama itu biarlah berlalu, kita ceritakan pun tiada gunanya, bukannya memberikan apa-apa faedah kepada kita.” Jelas seorang lagi kawan Ligad. Mendengar itu Ligad pun berkata. “Benar kata kawan tadi, walaupun Ligadon abang kandungku, tetapi aku tidak ada kena-mengena dalam hal itu.” “Ahh... sudahlah, kita lupakan perkara itu, baik kita cerita perkara lain.” Kata kawan Ligad yang seorang lagi.

## Bab 2

# KAMPUNG BUYUT DISERANG 彭尼亞慕

**KAMPUNG** Buyut merupakan sebuah perkampungan yang dihuni oleh ramai penduduk, mereka mengamalkan kerja bergotong-royong. Ternakan seperti ayam, itik, kambing, dan kerbau memang banyak di kampung tersebut. Penduduknya rata-rata memiliki ternakan.

Perpaduan serta persefahaman tetap kukuh dalam kalangan penduduk. Namun, keamanannya telah tercemar apabila penduduk kampung mendapat maklumat bahawa di hilir Sungai Kinorulunon terdapat sekumpulan penyamun yang tinggal di sebuah pondok. Penyamun-penyamun tersebut sedang merancang untuk menyamun ternakan penduduk Kampung Buyut.

“Kalau begitu cepat beritahu semua penduduk kampung, suruh mereka menyembunyi semua ternakan mereka setakat yang terdaya.” Beritahu orang tua itu. “Baiklah.” Jawab lelaki yang pernah nampak penyamun-penyamun tersebut. “Ligad, mari kita sembunyikan semua ayam-ayam dan itik-itik kita, cepat.” Beritahu orang tua itu. “Bagaimana dengan kambing dan kerbau.” Tanya Ligad sambil bangun dari tempat duduknya. “Kambing dan kerbau merayau-rayau di padang, susah kita tangkap untuk disembunyikan.” Jawab orang tua pula.

Mereka berdua pun turun dari rumah kemudian menangkap semua ayam dan itik yang kemudiannya dimasukkan ke dalam suatu tempat yang diperbuat daripada buluh. Selepas itu mereka